

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	28 JULY 2016

# Najib seru warga Felda gembelng tenaga, rangkaian

**PUTRAJAYA 27 Julai** - Datuk Seri Najib Tun Razak menyeru seluruh warga Felda menggembelng tenaga, aset serta rangkaian bagi mencapai kejayaan lebih besar demi generasi Felda akan datang.

Menurut Perdana Menteri, penubuhan Felda telah mencapai matlamatnya untuk meningkatkan pendapatan masyarakat luar bandar, membasmi kemiskinan dan memberi pemilikan tanah.

Najib berkata, harapan beliau ialah melihat Felda terus maju bagi menjadi kuasa besar ekonomi dan politik serta menjamin mobiliti sosial dalam kalangan komuniti Felda.

“Kita memerlukan rangkaian untuk bekerja seeratnya dengan semua yang kita kategorikan sebagai komuniti Felda, sama ada dalam tanah rancangan Felda atau di luar tanah rancangan tetapi menduduki tempat sebagai golongan profesional, usahawan dan mereka yang sudah berjaya dalam lapangan masing-masing.

“Kalau kita gembelngkan tenaga, daya fikiran dan sumber daripada mereka, maka saya percaya lebih ramai generasi kedua dan ketiga Felda akan mendapat lebih banyak faedah,” katanya ketika berucap dalam majlis Salam

Perantaraan Warga Felda 2016 di sini, hari ini.

Hadir sama, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Razali Ibrahim dan Pengarah Seranta (Felda), Jabatan Perdana Menteri, Datuk Mohamad Khairudin Mohamad.

Majlis anjuran Pejabat Seranta (Felda) itu menghimpunkan kira-kira 3,000 orang generasi Felda yang berada di sekitar Selangor, Putrajaya dan Kuala Lumpur.

Dalam majlis itu juga, Najib turut menyampaikan watakah pelantikan baharu kepada 10 orang sebagai Pengerusi Kluster Gabungan Pemikir Profesional

Felda (Gaprof).

Jelas Najib, kejayaan mobiliti sosial Felda telah menyaksikan lebih 50,000 orang anak peneroka Felda berada dan bekerja di Lembah Klang.

“Saya harap Gaprof dapat bekerja dengan penuh bersemangat untuk menjayakan matlamat serampang dua mata iaitu Felda sebagai kuasa besar ekonomi dan politik di samping mobiliti sosial yang lebih ketara,” katanya.

Tambahnya, kejayaan yang lebih besar sememangnya perlu dicapai bagi membuka peluang lebih luas kepada generasi kedua dan generasi ketiga Felda.